




(Company No.101067-P)

الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA
يونسيفي اسلامي انبارا بغيبا مليمينا

Garden of Knowledge and Virtue

KENYATAAN TAWARAN TENDER

Tawaran tender adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor **BUMIPUTERA** yang mempunyai Sijil Taraf Bumiputera (STB) daripada Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi yang dimiliki 100% oleh warganegara Malaysia dan masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja berikut:-

TAJUK TENDER	KRITERIA MANDATORI SYARIKAT	BUTIRAN PEMBAYARAN	SESI TAKLIMAT & LAWATAN TAPAK	TARIKH & MASA TUTUP TENDER
<p>PROPOSED RECTIFICATION OF LEAKAGES AND FUNGUS INCLUDING OTHER REPAIR WORKS AT MAHALLAH AMINAH AND MAHALLAH RUQAYYAH FOR THE INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA, GOMBAK, SELANGOR DARUL EHSAN</p> <p>NO. TENDER: IUM/DEV/5(2)/2026</p>	<p>Berdaftar dengan CIDB Gred: G6 Kategori: B (Bangunan) Pengkhususan: B24 (Kerja Penyenggaraan Bangunan)</p> <p>Syarat Taklimat dan Lawatan Tapak</p> <ol style="list-style-type: none"> Petender diwajibkan menghadiri taklimat dan lawatan tapak dan membawa cop rasmi Syarikat untuk sesi pendaftaran. Hanya dua (2) orang penama yang tertera pada Sijil Perolehan Kerja Kerajaan CIDB dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dibenarkan menghadiri sesi ini. Syarikat tidak boleh mewakilkan individu lain selain daripada penama yang dinyatakan di dalam sijil berkenaan. 	<ol style="list-style-type: none"> Harga dokumen tender: RM300.00 (senaskhah) dalam bentuk <i>softcopy</i> boleh dibayar melalui akses kepada laman portal kewangan UIAM (https://tinyurl.com/4d68597c) 	<p>Tarikh: 3 Jun 2026</p> <p>Hari: Rabu</p> <p>Masa: 10.00 Pagi</p> <p>Tempat: KICT Conference Room, Level 5, Kulliyah of Information & Communication Technology (KICT), IUM Gombak Campus</p> <p>(Kehadiran bagi sesi taklimat dan lawatan tapak adalah diwajibkan)</p>	<p>Tarikh akhir pembelian dokumen tender 18 Jun 2026 (Khamis) 5.00 petang</p> <p>Tarikh akhir serahan dokumen tender/tutup tender 25 Jun 2026 (Khamis) 12.00 tengah hari</p> <p>(Sebarang penyerahan tender yang lewat tidak akan dipertimbangkan)</p>
<p>PROPOSED REFURBISHMENT OF FIRE ALARM SYSTEM AT KULLIYAH OF PHARMACY, SPORTS COMPLEX, MAHALLAH TALHAH AND MAHALLAH MAIMUNAH FOR THE INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA, KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR</p> <p>NO. TENDER: IUM/DEV/5/2026</p>	<p>Berdaftar dengan CIDB Gred: G6 Kategori: ME (Mekanikal dan Elektrikal) Pengkhususan: M02 (Sistem Pencegahan dan Perlindungan Kebakaran)</p> <p>Syarat Taklimat dan Lawatan Tapak</p> <ol style="list-style-type: none"> Petender diwajibkan menghadiri taklimat dan lawatan tapak dan membawa cop rasmi Syarikat untuk sesi pendaftaran. Hanya dua (2) orang penama yang tertera pada Sijil Perolehan Kerja Kerajaan CIDB dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dibenarkan menghadiri sesi ini. Syarikat tidak boleh mewakilkan individu lain selain daripada penama yang dinyatakan di dalam sijil berkenaan. 	<ol style="list-style-type: none"> Hanya syarikat yang memenuhi syarat-syarat tender sahaja layak membeli dokumen tender. Sila emelkan butiran transaksi dan nombor rujukan sebagai bukti pembayaran. <p>(Sebarang bayaran yang telah dibuat tidak akan dipulangkan)</p>	<p>Tarikh: 3 Jun 2026</p> <p>Hari: Rabu</p> <p>Masa: 10.00 Pagi</p> <p>Tempat: Auditorium, Ground Floor, Kulliyah of Nursing (KON), IUM Kuantan Campus</p> <p>(Kehadiran bagi sesi taklimat dan lawatan tapak adalah diwajibkan)</p>	<p>Tarikh akhir serahan dokumen tender/tutup tender 25 Jun 2026 (Khamis) 12.00 tengah hari</p> <p>(Sebarang penyerahan tender yang lewat tidak akan dipertimbangkan)</p>

Dokumen Meja Tender dan Slaid Taklimat Tender boleh dirujuk melalui pautan <https://shorturl.at/3CTEY> mulai **3 Jun 2026 (Rabu)** hingga **18 Jun 2026 (Khamis)**.

Dokumen Tender di dalam format PDF akan dimajukan secara emel kepada petender yang telah membuat pembayaran dan mengemukakan dokumen-dokumen berikut melalui emel syarikat kepada procurementdepartment@ium.edu.my dengan tajuk '**Pembelian Dokumen Tender - <Tajuk Tender> dan <No. Tender>**':

- Salinan resit pembayaran
- Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor CIDB
- Sijil Perolehan Kerja Kerajaan CIDB
- Sijil Taraf Bumiputera (STB) Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi

Syarat Penghantaran Dokumen:

- Penghantaran Dokumen Tawaran Tender dalam bentuk **hardcopy** yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditulis di sebelah atas kiri sampul Nombor, Nama Tender dan dimasukkan sendiri ke dalam peti tender di **Pejabat Kewangan, Aras 2, Bangunan Muhammad Abdul-Rauf, UIAM, Jalan Gombak, 53100 Kuala Lumpur**.
- Penghantaran melalui perkhidmatan pos adalah tidak digalakkan. Sekiranya petender memilih menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, petender hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba dan dimasukkan ke dalam peti tender pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup tender selewatnya pada **pukul 12.00 tengah hari**. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

Petender yang tidak mendapat sebarang maklum balas atau jawapan selepas empat (4) bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.

- Pihak Universiti berhak mengadakan rundingan dengan kesemua atau mana-mana petender yang dipilih.
- Pihak Universiti tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran sekalipun.
- Pihak Universiti berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

KENYATAAN TAWARAN TENDER INI JUGA BOLEH DILIHAT DI LAMAN WEB KAMI DI:
<https://division.ium.edu.my/finance/announcement/>